

PERSAMAAN MAKNA IMPLISIT DALAM PERIBAHASA MELAYU DAN SEpanyol BERUNSURKAN HAIWAN

Hairul Nisma Wahab
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
hairulnisma.upnm.edu.my

ABSTRAK

Setiap masyarakat mempunyai cara yang tersendiri bagi menyampaikan buah fikiran sama ada melalui komunikasi lisan atau tulisan. Salah satu cara penyampaian buah fikiran yang masih relevan digunakan adalah melalui peribahasa. Peribahasa merupakan warisan setiap bangsa di dunia yang perlu ditafsir dan difahami maknanya secara tersirat kerana penggunaan lambang yang digunakan perlu dikenali dan difahami sifatnya. Lambang haiwan seringkali ditemui dalam kebanyakan peribahasa di dunia kerana aktiviti masyarakat tradisional yang akrab dengan sumber alam termasuk haiwan. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti persamaan makna implisit dalam peribahasa Melayu dan Sepanyol yang menggunakan lambang haiwan berlandaskan Teori Segitiga Odgen & Richards (1923). Teori ini mengetengahkan tiga elemen penting iaitu lambang, konsep dan rujukan. Kesemua unsur haiwan dalam peribahasa yang dipilih, dikaji sifatnya untuk melihat padanannya dengan tingkah laku manusia. Hasil kajian menunjukkan terdapat peribahasa yang mempunyai makna dan haiwan yang sama dan terdapat juga peribahasa yang mempunyai makna yang sama tetapi haiwan yang berbeza. Perbezaan ini adalah didasari oleh faktor peranan haiwan, corak pemikiran dan budaya dalam Masyarakat Sepanyol dan Melayu itu sendiri. Hal ini membuktikan terdapatnya pengaruh persekitaran, pengamatan, budaya masyarakat tradisional dan cara hidup mereka yang berinteraksi dengan alam sekeliling.

Kata Kunci : *Peribahasa Melayu, Peribahasa Sepanyol, lambang haiwan, makna implisit*

Pengenalan

Peribahasa bersifat kiasan atau implisit. Oleh sebab itu, dalam era sains dan teknologi pada masa kini, penggunaan peribahasa didapati semakin kurang mendapat tempat terutama dalam kalangan generasi muda. Penggunaan alat elektronik atau *gadget* semakin meluas dan mendapat perhatian di semua peringkat umur terutama dalam media sosial seperti aplikasi *Whatsapp* dan *Facebook*. Namun begitu, walaupun masyarakat kini dilihat semakin galak berkomunikasi dalam media sosial, masih lagi terdapat sebilangan anggota masyarakat mempraktikkan penggunaan peribahasa dalam media sosial untuk melontarkan buah fikiran. Rangkaian kata ini digunakan secara berhemah untuk menyatakan pendapat, meluahkan perasaan tidak puas hati, marah, kebencian dan peringatan (Salinah Jaafar et al., 2018). Sebagai contoh, peribahasa ‘biawak hidup’, ‘seperti lembu dicucuk hidung’ dan ‘lintah darat’ seringkali digunakan dalam *Facebook* bertujuan untuk menyindir, melepaskan kemarahan dan kebencian terhadap sesuatu isu yang dirasakan tidak betul sehingga mencetuskan ketegangan emosi dan kontroversi. Hal ini dapat diperhatikan melalui

penggunaan lambang yang digambarkan beserta tujuan ungkapan itu dipraktikkan kerana konteks kesesuaian pemilihan peribahasa hanya diketahui dan difahami oleh penutur dan pendengar peribahasa tersebut.

Abdullah Hussain (2007) menyatakan bahawa peribahasa itu sama tuanya dengan bahasa sesuatu bangsa dan penciptaannya adalah melalui pengalaman hidup yang diungkapkan oleh orang-orang terdahulu yang arif dan bijaksana, yang mengandungi nilai estetika, falsafah serta berperanan dalam mengawal perilaku manusia. Peribahasa mewakili semua aspek kehidupan yang diterjemahkan melalui karakter lambang alam sekeliling seperti haiwan kepada sifat manusia. Pemerhatian keadaan sekeliling telah mendorong masyarakat untuk mengambil seberapa banyak unsur alam bagi menyampaikan apa yang terkandung dalam pemikiran seterusnya memerihalkan perkara tersebut dalam bentuk peribahasa (Dinie Asyraf, 2017). Pengamalan peribahasa oleh masyarakat terdahulu lebih dipengaruhi oleh pengalaman dan pengamatan bukan sahaja haiwan, malahan tumbuh-tumbuhan, cuaca dan peralatan yang dijadikan padanan kepada watak dan tingkah laku manusia. Lambang yang dipilih inilah yang diteliti dan diamati ciri-cirinya sehingga mencetuskan penciptaan peribahasa yang bersifat implisit.

Penciptaan peribahasa turut membuktikan masyarakat tradisional mempraktikkan bahasa kiasan untuk menegur dan meluahkan kebenaran (Zaid Mohd. Zain & Wan Suhaila Wan Idris, 2017). Sejak zaman dahulu lagi, peribahasa digunakan sebagai sindiran dan teguran untuk memdidik bagi memberi pengajaran untuk mengelak daripada tercetusnya perasaan kurang senang antara pendengar dan penutur. Bagi masyarakat tradisional, untuk menyatakan sesuatu yang tidak baik secara berterus terang atau tidak berlapik adalah sikap yang tidak beradab (Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin, 2016) kerana menjaga adab sopan ketika bertutur bukan sahaja untuk menjaga hati tetapi untuk mengelakkan pergaduhan yang berpanjangan dan berkecil hati sesama sendiri. Namun begitu, terdapat sebilangan masyarakat yang beranggapan bahawa peribahasa sudah ketinggalan zaman dan tiada keperluan untuk mengamalkannya (Badudu, 2008). Hal ini tidak benar kerana peribahasa bukan sahaja diungkapkan melalui pertuturan, tetapi juga melalui media cetak seperti buku, majalah dan melalui media elektronik seperti iklan, television dan media sosial. Justeru, bahasa akan menjadi lebih indah dan kelihatan hidup kerana penggunaannya yang berbeza dari pertuturan atau percakapan biasa.

Sepertimana masyarakat Melayu (MM), masyarakat Sepanyol (MS) juga menggunakan peribahasa bagi tujuan tertentu untuk membentuk jati diri dan mendidik masyarakatnya. Peribahasa Sepanyol (PS) dikenali sebagai *refrán* dan turut dirujuk sebagai *dicho* (Rubén Cobos, 1985) yang berfungsi sebagai garis panduan dalam pembangunan sahsiah diri, nilai-nilai murni dan tingkah laku sosial MS. Bagi negara-negara yang berbahasa Sepanyol peribahasa selalu digunakan dalam kehidupan seharian kerana bagi mereka pengetahuan merupakan ukuran kepada kecerdasan akal fikiran (Shevchenko, 2015). Pada zaman purba, MS dikatakan sangat menyukai peribahasa dan sering menulis karya seperti prosa pendek dengan hanya menggunakan peribahasa terutama yang menggunakan lambang haiwan. Lambang haiwan merupakan stereotaip yang tertinggi untuk dibuat perbandingan bagi menerangkan tingkah laku, perwatakan, perasaan dan hubungan sesama manusia. Antara haiwan yang sering digunakan ialah seperti kucing, anjing, kuda, ikan, burung, ayam, tikus, ular, serigala, kera, harimau dan pelanduk. Pemilihan haiwan-haiwan ini berdasarkan persepsi serta pengalaman masyarakat itu sendiri yang membuat pemerhatian ke atas haiwan-haiwan ini (Garcia, 2007). Justeru, kajian ini diharap dapat membantu memahami corak pemikiran, dan budaya kedua-dua masyarakat Melayu dan Sepanyol yang diterjemah melalui peribahasa.

Permasalahan Kajian

Pengamalan budaya berperibahasa didapati mengalami kemerosotan terutama dalam kalangan generasi muda. Oleh sebab itu, peribahasa telah dimasukkan dalam sukatan mata pelajaran di sekolah-sekolah sebagai salah satu usaha pengekalan warisan bangsa ini supaya penggunaannya seiring dengan peredaran masa. Bagi pengguna bahasa Melayu dan Sepanyol, terutama para pelajar, pendedahan terhadap penggunaan peribahasa terhadap pelajar yang mengambil subjek bahasa Sepanyol di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT) seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, (UPNM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) secara tidak langsung membuka ruang untuk mereka mempelajari budaya MS melalui peribahasa dengan lebih mendalam. Namun begitu, kekangan dari aspek pemahaman terhadap penggunaan lambang terutamanya haiwan menyukarkan pengguna kedua-dua bahasa. Kekeliruan serta kesilapan tafsiran dalam memahami makna peribahasa seringkali berlaku kerana haiwan yang digunakan sebagai lambang peribahasa tidak dikenali dan diketahui fungsinya memandangkan budaya masyarakat yang berlainan, peranan haiwan yang berbeza dan kedudukan geografi negara yang mempunyai iklim yang berbeza. Oleh sebab itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk memperlihatkan haiwan yang digunakan dan sifat-sifat yang terdapat pada haiwan tersebut dengan berpandukan teori segitiga Odgen & Richards (1923).

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti peribahasa Sepanyol dan Melayu berunsurkan haiwan yang mempunyai makna implisit yang sama. Lambang haiwan akan dikaji sifat dan ciri-ciri sama ada secara fizikal atau tingkah laku tertentu yang menyebabkan masyarakat zaman dahulu memilih haiwan ini untuk dibuat perbandingan dengan manusia. Kehidupan masyarakat dahulu yang berinteraksi dengan alam secara tidak langsung telah menyebabkan mereka berpengalaman bertemu dengan haiwan sama ada di darat, hutan atau di laut. Penemuan ini telah mempengaruhi cara fikir dan persepsi kedua-dua masyarakat dahulu terhadap haiwan dan mengasimilasikan dengan bahasa kiasan dalam pembentukan karakter manusia.

Sorotan Kajian

Peribahasa tidak tercipta tanpa dimaknai dengan makna. Justeru, ramai sarjana telah membuat kajian terhadap peribahasa yang berlambangkan haiwan untuk meneliti sifat haiwan yang menjadi pencetus kepada perbandingan dengan manusia. Pemilihan haiwan yang digunakan adalah berdasarkan pengalaman, persepsi dan budaya sesuatu masyarakat. Oleh sebab itu, pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas berkaitan dengan peribahasa yang berlambangkan haiwan.

Penggunaan peribahasa bukan sahaja menuntut pemahaman makna dan tafsiran lambang, malahan aspek sosial dan nilai-nilai murni yang terkandung turut dimanipulasi berdasarkan konteks komunikasi dan situasi yang sesuai bagi menyampaikan mesej. Kajian peribahasa Jepun oleh Sriwahyu Istana Trahutami (2015), memperlihatkan penggunaan haiwan untuk menentukan nilai sosial dalam kehidupan masyarakat Jepun. Kajian yang menggunakan kaedah referensi dan inferensi telah menemui haiwan seperti anjing, kucing, katak, ular, rakun dan ikan untuk dipetakan kepada tingkah laku manusia. Dapatan menunjukkan nilai-nilai budaya seperti waspada, kerja keras, balas budi, bersopan santun ditonjolkan melalui konsep haiwan-haiwan ini untuk diterapkan

dalam budaya masyarakat Jepun. Manakala, kajian oleh Suryono et al. (2019) pula menjelaskan tentang peribahasa yang menggunakan kucing sebagai lambang dalam karikatur iklan politik di Indonesia. Kajian ini telah menganalisis data non verbal karikatur politik Honda Hendarto serta tanda verbal peribahasa “jangan membeli kucing di dalam karung” dengan menggunakan analisis semiotik dan statistik. Hasil kajian menunjukkan karikatur Honda Hendarto ingin menonjolkan dirinya yang ingin kembali menjadi wakil rakyat setelah menjawat jawatan tersebut selama empat penggal. Perkaitan karikatur ini dengan lambang kucing di dalam karung merupakan gambaran oleh Honda Hendarto untuk mengajak masyarakat berhati-hati dan berfikir panjang supaya tidak salah memilih Presiden, Timbalan Presiden dan wakil rakyat. Justeru, Honda Hendarto menggunakan peribahasa ini bagi menjelaskan maksudnya dalam kempen beliau.

Terdapat banyak lagi kajian tentang peribahasa yang menggunakan lambang haiwan seperti kajian oleh Muhammad Zaid Daud et al. (2018) yang berkaitan dengan lambang ular dalam masyarakat Banjar. Kajian bandingan yang berpandukan Kerangka Semiotik Pierce ini menggunakan ular bagi mempamerkan rangkaian makna yang negatif seperti malas, tidak bekerja, mengharapkan bantuan, tidak tetap pendirian, mengambil kesempatan ke atas orang lain dan membuat keputusan atau penyelesaian yang tidak baik. Manakala, kajian oleh Junaini Kasdan et al. (2016) pula menggunakan analisis semantik inkuisitif untuk mengupas makna peribahasa yang menggunakan lambang ikan. Seterusnya, kajian oleh Muhammad Zaid Daud (2018) yang menggunakan analisis semantik inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang (RRS) untuk mengkaji domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves. Kajian tentang Aves ini merangkumi ayam, burung, angsa dan itik telah diteliti perkaitannya dengan sumber rezeki dalam masyarakat Melayu.

Terdapat juga kajian peribahasa berkaitan dengan ayam oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2019) yang turut menggunakan analisis semantik inkuisitif dan rangka Rujuk Silang (RRS) untuk mencungkil makna sebenar bagi setiap peribahasa. Hasil kajian menunjukkan analisis data dikategorikan berdasarkan domain kebiasaan dan domain rezeki. Selain itu, kajian bandingan peribahasa antara peribahasa Sepanyol dan peribahasa Ukraine oleh Shevchenko (2015) berkaitan imej haiwan menggunakan metafora. Hasilnya makna peribahasa yang didapati adalah berkaitan dengan ciri-ciri pemetaan, tingkah laku watak dan penampilan seseorang melalui prisma imej haiwan. Kajian oleh Lamotey (2019) juga memperlihatkan lambang haiwan sebagai gambaran watak manusia. Fokus utama kajian beliau adalah imej haiwan yang mencerminkan keganasan wanita. Dapatan beliau menunjukkan bahawa terdapat peribahasa Sepanyol yang menggambarkan wanita sebagai haiwan, objek, jahat dan hanya bekerja sebagai suri rumah. Saranan beliau, ideologi seperti ini seharusnya didedahkan, dikritik dan seterusnya dihapuskan bagi mengekalkan kempen kesamaan gender.


Kajian-kajian peribahasa di atas bukan sahaja menghuraikan kupasan makna peribahasa, malahan menunjukkan bahawa masyarakat zaman dahulu bukan sahaja bijak mengasosiasikan haiwan dengan sikap manusia, tetapi juga menonjolkan akal budi dan falsafah bangsa dalam menghuraikan fenomena dalam peribahasa. Padanan haiwan melalui sifat dan karakter tertentu dengan manusia telah menunjukkan bahawa penciptaan peribahasa bukan sahaja mempamerkan keindahan bahasa, malahan sarat dengan mesej yang bermakna.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Penerangan dan huraian secara deskriptif digunakan untuk mengkaji sifat atau ciri-ciri haiwan yang digunakan dalam peribahasa Sepanyol dan Melayu. Sebanyak lima peribahasa Sepanyol yang menggunakan unsur haiwan telah dipilih untuk

dibandingkan dengan peribahasa Melayu yang mempunyai makna yang sama. Data PS diambil daripada buku *Refranes Southwestern Spanish Proverbs* (1985) oleh Rubén Cobos dan buku *Spanish Idioms* oleh Savaiano & Winget (1996), manakala data PM pula diambil dari Kamus Peribahasa Melayu oleh Sapinah Said (2013). Pengkaji menggunakan Teori Segitiga Odgen dan Richards (1923) untuk meneliti pertalian antara lambang haiwan dengan konsep yang membawa kepada rujukan makna implisit peribahasa. Pemilihan teori ini bersesuaian untuk mempertalikan tiga elemen penting iaitu simbol atau lambang, konsep dan rujukan. Simbol atau lambang dalam teori ini ditandai dengan perkataan yakni nama haiwan, manakala konsep pula merupakan pemikiran masyarakat Sepanyol dan Melayu berkaitan sifat haiwan yang membawa kepada rujukan makna implisit peribahasa. Perkaitan simbol dengan rujukan ditandai dengan garisan putus-putus kerana tidak mempunyai hubungan yang mutlak. Ini bermaksud, maksud sesuatu lambang membawa kepada rujukan yang berbeza berdasarkan budaya sesuatu masyarakat. Oleh yang demikian, melalui pertalian tiga elemen ini, cara fikir dan persepsi kedua-dua masyarakat dapat diteroka bagi mencungkil peribahasa yang mempunyai makna yang sama dan perincian ciri-ciri fizikal atau sifat semulajadi haiwan tertentu dapat dikaji untuk dibuat perbandingan dengan tingkah laku manusia.

Berikut merupakan rajah segitiga Odgen & Richards (1923) yang digunakan sebagai panduan kajian ini.



Rajah 1. Model Teori Segitiga Semiotik Ogden & Richards (1923)

Kepentingan Kajian

Dalam era global masa kini, penggunaan peribahasa dilihat melalui proses perubahan fungsi, leksikal dan makna. Walaupun begitu, peribahasa kini semakin meluas penggunaannya terutamanya dalam aplikasi seperti *Whatsapp* dan *Facebook*. Seiring dengan ledakan teknologi maklumat (IT) masa kini, perubahan struktur dan makna peribahasa turut menerima tempas. Namun, pengekalannya dan tujuan asal peribahasa diungkapkan menunjukkan peribahasa masih diakui kepentingannya dalam penyampaian maksud dan tujuan.

Ungkapan dunia merentasi sempadan menyaksikan pembelajaran peribahasa melangkaui budaya masyarakat yang berbeza. Keperluan mempelajari peribahasa Melayu dan Sepanyol dilihat penting kerana usaha sedemikian dapat memperlihatkan cantuman budaya dan pemikiran dua masyarakat yang berlainan cara hidup. Bagi pengguna kedua-dua bahasa, kemampuan menginterpretasi makna implisit peribahasa membolehkan memahami makna secara tepat untuk digunakan dalam konteks yang betul. Selain itu, kajian ini juga dapat meningkatkan kesedaran kepada generasi muda supaya meningkatkan amalan mempraktikkan peribahasa dalam kehidupan serta dapat dijadikan rujukan kepada para guru bahasa Sepanyol dan juga penterjemah kedua-dua bahasa.

Analisis dan Perbincangan

Berikut merupakan contoh peribahasa Sepanyol (PS) dan Peribahasa Melayu (PM) yang mempunyai persamaan makna dan menggunakan haiwan sebagai unsur perlambangan.


Jadual 1. Persamaan makna dalam peribahasa Sepanyol dan Melayu

Bil	Peribahasa Sepanyol	Peribahasa Melayu	Makna
1.	<i>A caballo regalado, no le mires el diente</i> (Kuda yang dihadiahkan, jangan dilihat giginya)	Tak ada gading yang tak retak	Tidak ada sesuatu yang betul-betul sempurna
2.	<i>Gallina come huevos, aunque que le quemien el pico</i> (Ayam betina makan telur-telur, walaupun mereka membakar paruhnya)	Anjing mengulangi bangkai	Orang yang mengulangi perbuatan jahat dan tidak senonoh
3.	<i>Perro que ladra no muerde</i> (Anjing yang menyalak tidak menggigit)	Anjing menyalak tak akan menggigit.	Orang yang bercakap besar tetapi tidak berbahaya
4.	<i>Hablar como una cotorra</i> (Cakap seperti seekor Nuri)	Mulut Murai/bagai murai dicabut ekor	Bercakap tanpa henti
5.	<i>No se hizo la miel para la boca del burro</i> (Madu tidak dibuat untuk mulut keldai)	Seperti kera mendapat bunga.	Orang yang tidak tahu menghargai benda yang baik

Contoh pertama dalam Jadual 1 menunjukkan PS dan PM yang mempunyai persamaan makna tetapi menggunakan lambang haiwan yang berbeza. Lambang kuda (*caballo*) digunakan dalam PS dan lambang gading dalam PM. Merujuk kepada Teori segitiga Odgen & Richards, kuda membawa konsep seekor haiwan yang sangat penting dalam masyarakat tradisional Sepanyol. Kuda berperanan sebagai haiwan tunggangan dan sebagai alat pengangkutan untuk para petani dan peladang dalam kerja-kerja pertanian. Oleh sebab itu, kuda yang sihat dan kuat sangat diperlukan untuk melakukan kerja-kerja perladangan dan pengangkutan. Kuda yang sihat ditentukan melalui giginya sama ada kuda tersebut berupaya digunakan untuk bekerja. MS mengambil berat akan kesihatan kuda kerana kepentingan kuda sebagai haiwan domestik yang berkeupayaan digunakan dalam peperangan dan perhubungan manusia sebagai alat pengangkutan. Malahan kuda turut dikonsepsikan sebagai haiwan yang mewakili kecantikan, kesetiaan, kekuatan, kecerdasan, maruah dan turut diberi gambaran sebagai haiwan mahal yang biasa dijadikan hadiah oleh golongan bangsawan (Fattah, 2016). Oleh sebab itu, penggunaan lambang kuda yang dijadikan hadiah dalam peribahasa ini menunjukkan harapan si penerima supaya kuda tersebut sempurna kesihatannya untuk digunakan. Akan tetapi, secara implisitnya, tiada yang sempurna di dunia ini kerana setiap sesuatu itu pasti ada kekurangannya. Begitu juga dengan kuda, pasti ada kekurangannya yang menyebabkan MS zaman dahulu memberi peringatan supaya tidak melihat pada gigi kuda yang diberi sebagai hadiah. Sebaliknya penerima harus bersikap sederhana dan mensyukuri apa yang

dimiliki (Vásquez & Monge, 2014). Mesej yang disampaikan melalui haiwan ini merupakan nasihat supaya tidak mencari kelemahan, mengkritik dan tidak memandang rendah sesuatu pemberian. Sebaliknya mendidik masyarakat supaya belajar untuk menghargai.

Berikut merupakan contoh rajah segitiga bagi menjelaskan lagi hubungan antara lambang, konsep dan rujukan haiwan kuda.



Rajah 2. Lambang dan konsep kuda dalam peribahasa
A caballo regalado, no le mires el diente.

Manakala MM pula menggunakan gading untuk merujuk kepada ketidaksempurnaan. MM percaya bahawa pemilihan gading gajah sebagai lambang adalah kerana ciri-ciri yang terdapat pada gading itu sendiri iaitu garis-garis halus yang berupa retakan (Sapinah Said, 2013). Retakan pada gading ini merupakan konsep yang merujuk kepada ketidaksempurnaan sesuatu benda atau perkara. Tercetusnya idea untuk memilih gading sebagai lambang adalah kerana MM terdahulu sering melakukan aktiviti yang lebih dekat dengan sumber alam seperti memburu binatang dan mencari hasil hutan. Aktiviti seperti ini telah mendedahkan mereka kepada penemuan haiwan-haiwan liar seperti gajah, harimau, ular dan sebagainya. Pengamatan mereka terhadap ciri-ciri fizikal haiwan-haiwan ini secara tidak langsung telah mencetuskan idea untuk membandingkan sifat haiwan yang ditemui dengan tingkahlaku manusia. Justeru, MM mengungkap peribahasa ini dengan tujuan untuk menasihati supaya tidak mengkritik dan menerima segala kekurangan dengan rasa bersyukur.

Contoh peribahasa yang kedua dalam jadual di atas pula menunjukkan PS dan PM yang bersifat menyindir dengan perlambangan yang digunakan adalah ayam betina (*gallina*) bagi PS dan lambang anjing bagi PM. Kedua-dua peribahasa ini memperlihatkan makna implisit yang negatif, yang dilakukan berulang kali seperti mana sifat atau perlakuan haiwan yang dilambangkan. Bagi MS, konsep ayam betina adalah berbeza kerana penggunaannya berdasarkan konteks yang berlainan. Secara umumnya, sifat positif yang dikonsepskan melalui perlambangan ayam adalah seperti kekeluargaan, kepimpinan, dan ketangkasan, manakala rujukan bagi negatif pula merangkumi sifat pengecut, kedengkian (Pascual & Pérez, 2012), sombong, kesusahan hidup, suka bergaaduh, melakukan kejahatan dalam diam dan perbuatan yang sia-sia. (Mary Fatimah

Subet & Muhammad Zaid Daud, 2018). Oleh kerana pemeliharaan ayam bukan pekerjaan yang asing bagi masyarakat dahulu kerana ayam merupakan haiwan ternakan yang bukan sahaja menjadi sumber makanan, tetapi juga merupakan sumber pendapatan bagi hasil jualan. Tidak hairanlah ayam dijadikan salah satu perbandingan bagi tingkah laku manusia kerana kehidupan manusia sendiri yang terlalu dekat haiwan ini.

Dalam MS, sifat ayam betina yang berulang kali mematuk telur melambangkan kedegilan manusia yang nekad dan seringkali melakukan perkara yang tidak baik atau tidak bermoral walaupun telah dilarang berulang kali. Perkara ini dilambangkan kepada ayam betina yang berterusan mematuk telurnya walaupun paruhnya dibakar. Keadaan parah yang dibakar digambarkan walau dalam keadaan apa sekalipun dalam kesakitan atau kesusahan, ayam betina akan berterusan mematuk telurnya. Kedegilan ayam betina inilah yang dipadankan kepada tingkahlaku MS yang keras kepala dan tidak mahu mendengar nasihat supaya tidak berulang kali melakukan perkara yang tidak baik. Sebaliknya terus-menerus mengulangi perbuatan seperti mengunjungi tempat-tempat pelacuran, kelab malam, minum arak dan berjudi walaupun secara diam-diam. Oleh kerana itu, MS telah menggunakan lambang ayam dalam peribahasa ini bertujuan untuk menyindir orang yang suka melakukan perbuatan tidak senonoh berulang kali. Hal ini kerana sifat semulajadi ayam yang kadang kala bersifat seperti kanibalisme yang mematuk telurnya di awal permulaan bertelur (Zulfikar M. Si, 2014).

Bagi masyarakat MM pula, lambang kepada sifat jelik manusia yang degil dan tidak mendengar kata ditemui pada haiwan anjing. Anjing ditemui dalam pelbagai PM dengan konotasi yang berbeza-beza. MM memandang anjing sebagai haiwan yang merujuk kepada kehinaan, jahat dan bagi MM yang beragama Islam, anjing dikategorikan sebagai haiwan yang haram disentuh seperti mana babi yang turut haram di sisi agama islam. Oleh sebab itu, bagi MM, lambang anjing dalam peribahasa tersebut membawa konsep negatif kerana sifat anjing yang memakan bangkai dan akan mengulangnya apabila lapar (Sapinah, 2013). Pengamatan terhadap sifat anjing inilah yang menjadi pencetus idea kepada MM zaman dahulu untuk membandingkan sikap manusia yang memiliki tabiat suka mengulangi perbuatan tidak senonoh walaupun telah dinasihati berulang kali.

Di samping itu, lambang anjing turut terdapat dalam peribahasa ketiga. Persamaan pemikiran jelas terdapat dalam MS dan MM melalui penggunaan lambang dan makna peribahasa yang sama. Sifat semulajadi anjing yang suka menyalak dengan kuat diibaratkan seperti seseorang yang suka bercakap besar atau suka berbuat bising dengan menggunakan intonasi suara yang tinggi tetapi tidak mendatangkan kesan yang merbahaya. Anjing dalam kebanyakan PM membawa konsep negatif seperti pamarah (Mohd Faizal Musa, 2016), hina, keji, jahat, tidak bermoral dan statusnya yang rendah (Noriah Mohamed & Darwish Harahap, 2013; Siti Ayu Ningsis, 2018). Oleh sebab itu, dalam MM, peribahasa ini diungkapkan untuk dibuat perbandingan dengan seseorang yang bercakap besar atau ketua organisasi yang suka marah atau lantang bersuara tetapi tidak digeruni atau ditakuti kerana sudah diketahui tiada implikasi buruk yang akan terjadi. Begitu juga dengan MS yang turut menyifatkan anjing sebagai haiwan yang suka berbuat bising dengan menyalak (Martin, 2012), pemburu, pamarah dan garang (Lopez, 1999). Anjing yang bising dengan menyalak kuat tidak bermakna akan menggigit. Ini kerana, secara fitrahnya, haiwan ini dimaknai sebagai haiwan yang suka menyalak. Oleh sebab itu, MS dan MM telah menjadikan anjing sebagai perbandingan dengan watak manusia yang bercakap besar atau bersuara lantang tetapi langsung tidak menakutkan.

Seterusnya, peribahasa yang keempat didapati mempunyai persamaan makna dan lambang iaitu burung walaupun berlainan jenis. MS menggunakan burung Nuri atau *cotorra* manakala MM menggunakan burung Murai bagi merujuk kepada orang yang bercakap tanpa henti. Burung Nuri

sering dikaitkan dengan kemampuannya untuk bercakap apabila dilatih dan akan mengulangi apa yang diperkatakan (Iva Irma Khumala Dewi, 2008) dan berkeupayaan untuk menghasilkan bunyi-bunyian tertentu untuk mengenali dan berhubung dalam kelompok mereka. Sifatnya yang suka mengulangi percakapan menjadikannya simbol kepada orang yang suka bercakap (Kekic, 2008). Justeru, kemampuan burung Nuri untuk bercakap secara berulang telah mencetus idea MS untuk dibuat perbandingan dengan sikap orang yang suka bercakap tanpa henti dengan perwatakan burung Nuri.

Dalam MM pula, burung Murai mudah didapati di kampung-kampung dan kawasan pedalaman. Burung ini disifatkan sebagai haiwan yang suka berkicau, bersuara merdu dan berbunyi lantang (Edo Mustaqim et al., 2016). Kicauannya yang berbunyi bisung terutama apabila ekornya dicabut telah dipadankan dengan sikap suka bercakap tanpa henti dan bermulut celupar dalam budaya Melayu. Umumnya, mulut celupar dalam budaya MM merupakan sikap yang buruk akhlak dan boleh menyebabkan berlakunya perpecahan dalam masyarakat. MM amat memandang berat sikap begini kerana boleh menjerumuskan masyarakat kepada fitnah yang akan menyebabkan ketidakharmonian dan persengketaan sesama sendiri.

Peribahasa kelima menunjukkan lambang keldai digunakan oleh MS, manakala lambang kera digunakan dalam MM untuk mewakili perwatakan manusia yang tidak tahu menghargai sesuatu yang bernilai. Madu bagi MS dikonsepskan sebagai barang atau benda yang amat bernilai dan berharga. Berbeza dengan MM yang menggunakan lambang bunga. Dalam PS, lambang keldai membawa konsep bodoh dan jahil (Hairul Nisma Wahab, 2017), pemalas, degil, tidak mengambil peduli dan lambat (López, 1999). Berdasarkan konsep-konsep ini, keldai digambarkan sebagai haiwan yang tidak tahu membezakan sesuatu yang baik atau buruk kerana madu yang diberikan tidak digunakan dengan baik atau dengan erti kata lain madu tersebut tidak diminum. Madu diketahui umum sebagai sesuatu yang bernilai kerana harganya yang mahal. Perbuatan memberi madu kepada keldai diibaratkan memberi sesuatu yang berharga kepada orang yang tidak menggunakannya dengan cara yang betul. Tambahan pula, madu bukanlah makanan keldai. Jadi, dengan memberi madu kepada keldai diumpamakan sebagai perbuatan yang sia-sia.

Berbeza dengan MM yang menjadikan kera sebagai lambang kepada orang yang tidak tahu menghargai. Sapinah Said (2013) menerangkan bahawa kera atau monyet adalah haiwan nakal yang tidak mempunyai akal dan banyak aksinya. Oleh sebab itu, kera tidak tahu menilai sesuatu yang elok atau buruk sekiranya diberikan sesuatu kepadanya. Hal inilah yang terkandung dalam peribahasa ini yang dikaitkan dengan nilai kewaspadaan yang mendeskripsikan perihal kewajipan untuk berhati-hati terhadap sesuatu perkara agar tidak mendapat musibah, kecelakaan atau perkara yang merugikan (Lalu Fuadul Hadi & Didik Nurhadi, 2018) sepertimana kera yang mendapat bunga. Perlunya berhati-hati untuk memberi sesuatu yang bernilai kepada orang yang tepat. Lambang bunga pula digunakan bagi menggambarkan sesuatu yang cantik, wangi dan dikonsepskan sebagai sesuatu yang bernilai dan melambangkan budi atau jasa seseorang (Salinah Jaafar, 2005). Apabila bunga yang dilambangkan sebagai sesuatu yang bernilai, berharga dan berbudi dikolokasi dengan kera, maka terungkapkanlah peribahasa yang membawa makna yang negatif, seterusnya membawa kepada fungsi ungkapan tersebut iaitu sindiran kepada satu perbuatan yang sia-sia, tidak mendatangkan faedah dan hanya menyebabkan kerugian.

Secara keseluruhannya, berdasarkan lima PS dan PM yang telah dikaji ini, didapati padanan sifat atau ciri-ciri haiwan yang dikaitkan dengan manusia memberi gambaran bahawa kehidupan dan aktiviti masyarakat zaman dahulu tidak dapat dipisahkan dengan alam. Pergerakan mereka untuk mencari sumber makanan untuk kelangsungan kehidupan sama ada di daratan atau lautan membawa kepada pertemuan dengan haiwan – haiwan ini. Kearifan mereka dalam

pemerhatian, penelitian dan pengamatan terhadap ciri-ciri fizikal haiwan, sifat semulajadi, dan habitat haiwan yang ditemui kemudiannya diadun dengan kreativiti dalam membentuk peribahasa yang indah dan penuh bermakna. Kajian ini telah memperlihatkan pertalian antara lambang haiwan yang digunakan dengan konsep telah dikupas melalui teori Odgen & Richards yang membawa kepada rujukan makna secara implisit. Walaupun bersaing dengan peribahasa moden yang dialih bentuk namun, peribahasa asal dan maknanya masih kukuh dan relevan untuk diamalkan sehingga kini.

Penutup

Pengkajian aspek lambang dalam peribahasa diperhatikan dapat mengupas cara fikir masyarakat terdahulu mengolah alam sekeliling yang diterjemah dalam bentuk bahasa kiasan. Perlakuan manusia digambarkan melalui karakter haiwan telah memperlihatkan kearifan masyarakat dahulu dengan tujuan untuk mendidik dan berbicara secara bijak. Unsur perlambangan harus ditafsir secara berbeza mengikut pengalaman dan acuan budaya sesuatu bangsa. Lambang haiwan itu sendiri mempunyai sifat atau karakter tersendiri yang mencerminkan sesuatu sifat atau tingkahlaku manusia. Manusia zaman dahulu tidak dapat lari daripada berhubungan dengan sumber alam dalam kehidupan. Pertembungan dengan haiwan, keperluan mencari makanan, tumbuh-tumbuhan dan hasil hutan serta kejadian –kejadian alam seperti hujan, ribut dan petir, semua ini memberi inspirasi dan cetusan minda masyarakat dahulu bagi mengungkap pemikiran, pegangan hidup dan falsafah yang diterjemah dalam bentuk peribahasa. Justeru, dapat disimpulkan bahawa elemen bahasa, bangsa dan budaya adalah satu rangkuman yang boleh diteroka melalui peribahasa.

Rujukan

- Abdullah Hussain. (2007). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badudu, Y. (2008). *Kamus peribahasa: memahami arti dan kiasan peribahasa, pepatah, dan ungkapan*. Penerbit Buku Kompas.
- Dinie Asyraf Salehan. (2017). *Metafora konsepsi dan pemikiran dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan haiwan*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia
- Edo Mustaqim, Tintin Kurtini, Rr.Riyanti. (2016). Karakteristik Sifat kualitatif Induk Murai Batu (*Copsychus Malabaricus*) Siap Produksi, *Jurnal Ilmiah Peternakan Terpadu*, 4(3): 204-210.
- Fattah, A. I. (2016). La Traducción De Los Refranes: Problemas Soluciones. *Journal of the College of Languages*, (34), 212-234.
- García, M. (2007). Los animals verdaderos y falsos de la fraseología. In Álvarez de la Granja, M.(ed), *Lenguage figurado y motivación*, 69-80. Frankfurt: Peter Lang.
- Hairul Nisma Wahab. (2017). *Persamaan Makna dalam Peribahasa Melayu dan Sepanyol*. Tesis Sarjana. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Iva Irma Khumala Dewi. (2008). Karakteristik Ukuran dan Bentuk Tubuh Burung Bayan-Bayanan (*Psittacidae*) di Indonesia. *Sarjana S1, Institut Pertanian Bogor, Bogor*.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (*Pisces*) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 31-41.

- Kekic, K. (2008). Figurative language with zoonyms in Serbian. *Language design: journal of theoretical and experimental linguistics*, 10, 107-131.
- Lalu Fuadul Hadi & Didik Nurhadi. (2018). Kajian Makna dan Nilai Budaya Peribahasa Jepang dan Indonesia yang Menggunakan Unsur Nama Binatang. *GoKen*, 6(2), diakses pada 26 Mac 2020 dari file:///C:/Users/UPNM/Downloads/25151-29483-1-PB%20(1).pdf
- Lomotey, K. (2019). Research on the leadership of Black women principals: Implications for Black students. *Educational Researcher*, 48(6), 336-348.
- López, RP. (1999). The animal in the saying, a reflection of a culture. German-Spanish contrastive study. *Paremia*. (8), 411-416.
- Martin, BES (2012). Polysemy of the dog and cat zoonyms: antithetical values. *Onomázein*, (25), 125-137.
- Mohd Faizal Musa. (2016). Human rights lesson from selected Malay proverbs. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 24(1), 447-470.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet, (2019). Ayam (*Gallus Gallus Domesticus*) Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Muhammad Zaid Daud, Nurfatin Wahap & Muhammad Nurikhwan Lokman, (2018). Analisis Semiotik Peribahasa Banjar Bersumberkan Ular (Serpentes). Diakses pada 25 Jun 2020 dari <https://osf.io/zxnbnv>
- Noriah Mohamed & Darwish Harahap. (2013). *Mutiara Budi*. Selangor: PTS
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna implisit Bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan Semantik. *Jurnal Komunikasi*, 32(1):189-206
- Ogden, C.K., & Richards, I.A. (1923). *Meaning of Meaning*. New York: Harcourt, Brace & Company.
- Pascual, Á.G., & Pérez, T.F. (2012). El Mundo animal en las unidades fraseológicas. Análisis y propuesta de aplicación para el aula de E/ELE. *Foro de Profesores de E/ELE*, (8):1-6
- Rubén, C. (1985). *Refranes Southwestern Spanish Proverbs*. New Mexico: Museum of New Mexico Press.
- Salinah Jaafar. (2005). Fungsi leksikal “bunga” dalam simpulan bahasa dan peribahasa Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(4), 40-66.
- Salinah Jaafar, Huraizah Abd. Sani & Rohaidah Haron. (2018). Perubahan Fungsi dan Makna Peribahasa dalam Laman Facebook. *Jurnal komunikasi*. 34(2): 354-373
- Sapinah Said. (2013). *Kamus Peribahasa Melayu*. Selangor. Penerbitan Pelangi Sdn.Bhd
- Savaiano. E & Winget, L.W. (1996). *Spanish Idioms*. China: Barrons.
- Shevchenko, L. (2015). The Analysis of Spanish And Ukrainian Proverbs Characterizing Everyday Life. *Вісник Національної академії керівних кадрів культури і мистецтв*, 1(2), 64-67.
- Siti Ayu Ningsis. (2018). Penggunaan Istilah Binatang Dalam Metafora Bahasa Indonesia Dan Bahasa Inggris. *Arkhaiis-Jurnal Ilmu Bahasa dan Sastra Indonesia*, 9(1), 48-57.
- Sriwahyu Istana Trahutami. (2015). Nilai Sosial Budaya Jepang dalam Peribahasa Jepang yang Menggunakan Konsep Binatang. *Izumi*, 4(1), 64-71.

- Suryono, J., Astuti, P. I., Rahayu, N. T., Hariyanto, H., & Widayati, M. (2019). Karikatur Iklan Politik Media Luar Ruang Jangan Membeli Kucing Dalam Karung. *Profetik: Jurnal Komunikasi*. 12(1), 46-60.
- Vásquez, K. C., & Monge, L. V. (2014). Dichos populares: al rescate de la cultura centroamericana. *Repertorio Americano*, (24), 69-83.
- Zaid Mohd.Zain & Wan Suhaila Wan Idris. (2017). Kajian Persamaan Makna Peribahasa Melayu Dan Peribahasa Jepun. *Jurnal Bahasa Dan Budaya Jepun*, 7, 19-33.
- Zulfikar M. Si (2014). Manajemen Pemeliharaan Ayam Patelur ras. *Lentera: Jurnal Ilmiah Sains dan Teknologi*, Diakses pada 24 Mac 2020 dari <https://media.neliti.com/media/publications/146414-ID-manajemen-pemeliharaan-ayam-petelur-ras.pdf>